

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN
KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN
TARIKH : 12 JUN 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan hasil berkenaan maklum balas daripada pendengaran awam (*public hearing*) mengenai pembinaan Lebuhraya Kinrara-Damansara Expressway (KIDEX).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perjanjian konsesi Lebuh Raya Kinrara – Damansara (KIDEX) telah ditandatangani antara Kerajaan Pusat dan syarikat konsesi KIDEX Sdn. Bhd. pada 15 November 2013.

Walaupun begitu, syarikat konsesi masih perlu melaksanakan beberapa prasyarat yang ditetapkan dalam tempoh 12 bulan selepas perjanjian konsesi ditandatangani. Antara prasyarat itu ialah syarikat konsesi perlu membuktikan kemampuan kewangan mereka bagi melaksanakan projek, dan melaksanakan tinjauan maklum balas awam mengenai pelaksanaan projek berkenaan. Pada masa kini sesi tinjauan maklum balas dan pandangan awam masih sedang dijalankan dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa tempatan yang terlibat. Hasil maklum balas ini akan diketahui sebelum 15 November 2014.

Sehubungan itu, pelaksanaan projek KIDEX ini masih tertakluk kepada syarat bahawa syarikat konsesi tersebut telah mematuhi prasyarat-prasyarat yang ditetapkan, termasuk mendapatkan hasil maklum balas awam mengenai projek berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (71)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penilaian Kementerian mengenai keberkesanan Dasar Perumahan Negara (DRN) setakat ini dalam mencapai objektif untuk meningkatkan keupayaan dan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah dan apakah yang boleh dilakukan oleh Kementerian dalam membendung kenaikan harga hartanah yang semakin meruncing terutamanya di kawasan-kawasan bandar.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Dasar Perumahan Negara (DRN), Kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap keperluan penyediaan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa bagi memenuhi keperluan golongan yang disasarkan iaitu golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Selaras dengan hasrat DRN ini, Kerajaan telah mensasarkan untuk membina sebanyak 1 juta rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun. Sasaran ini dijangka akan dapat memenuhi sebahagian besar permintaan daripada golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Antara program-program yang terlibat adalah Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa mekanisme bagi mengekang aktiviti spekulasi yang seterusnya dapat menstabilkan harga rumah seperti berikut :

- i) Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM 1 juta;
- iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang diberikan kepada pembeli;
- iv) Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri Developer Interest Bearing Scheme (DIBS).

Bagi menangani pembelian hartanah secara pukal (en bloc), Kementerian saya telah mengenakan syarat baharu dalam permit iklan dan jualan. Syarat baru ini mewajibkan pemaju untuk mendaftarkan dengan

Kementerian saya nama pembeli bagi penjualan secara pukal iaitu melebihi 4 unit rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN : 12 JUN 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 72

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

:-

- (a) Apakah justifikasi bagi projek stesen janakuasa solar 50 MW diberikan secara runding terus kepada 1MDB dan tidak melalui proses tender terbuka; dan
- (b) Apakah perjanjian komersial (bayaran kapasiti dan bayaran tenaga) yang terpakai antara TNB dan 1MDB bagi pembelian tenaga daripada projek janakuasa solar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Projek Loji janakuasa solar 50MW yang diberikan kepada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) melalui rundingan terus merupakan sebuah projek perintis yang akan menjadi kayu pengukur bagi menilai keberkesanan pembinaan Laji janakuasa solar berkapasiti besar. Sehubungan itu, keberkesanan projek perintis ini bakal menjadi titik tolak Kerajaan dalam membuka peluang kepada syarikat – syarikat penjanaan solar untuk bersaing di dalam proses tender terbuka yang kini sedang dalam proses penyediaan.

(b) Perjanjian komersial (bayaran kapasiti dan bayaran tenaga) yang terpakai antara TNB dan 1MDB bagi pembelian tenaga elektrik daripada projek janakuasa solar ini adalah berdasarkan kapasiti nominal sebanyak 50MW dengan kadar tarif yang dipersetujui antara TNB dan 1MDB tidak melebihi RM0.41 per kilowatt.
